

PERATURAN PEMARKAHAN MPP3 TASAWWUR ISLAM KERTAS 2

NO SOALAN			SKEMA	MARKAH
1	(a)	(i)	<p>Maksud fitrah beragama;</p> <p>Naluri semulajadi manusia yang mengakui adanya Allah SWT. (2m)</p>	[2 Markah]
		(ii)	<p>Dua ciri murid yang berpegang dengan ajaran Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sentiasa redha (1m) dengan ketentuan Allah SWT. (1m) • Bersyukur dengan nikmat yang dimiliki(1m) dengan cara memanfaatkannya ke jalan Allah seperti menderma. (1m) • Melakukan sesuatu pekerjaan dengan ikhlas(1m) kerana Allah SWT. (1m) 	[2 isi X 2m] (4 Markah)
	(b)	(i)	<p>Pengertian Rasul:</p> <p>Manusia lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu untuk dirinya(1m) dan dikehendaki menyampaikan kepada orang lain. (1m)</p>	[2 Markah]
		(ii)	<p>Peranan mukjizat:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan kekuasaan Allah SWT sebagai pencipta alam. (2m) • Membuktikan kebenaran rasul sebagai utusan Allah SWT. (2m) • Mengukuhkan keyakinan orang ramai terhadap para rasul. (2m) 	[2 isi X 2m] (4 Markah)
	(c)		<p>Dua cara bersyukur bersyukur dengan nikmat akal;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan akal fikiran dengan sebaik-baiknya dalam sesuatu perkara(1m) seperti tidak menggunakan akal fikiran untuk memikirkan perkara maksiat. (1m) • Berfikir untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT(1m) agar hidup lebih diberkati. (1m) • Berfikir untuk memajukan diri(1m) demi kesejahteraan hidup. (1m) 	[2 isi X 2m] (4 Markah)
	(d)		<p>Pandangan bencana alam sering terjadi;</p> <p>Disebabkan sikap manusia yang tidak amanah dalam mentadbir alam(1m) seperti sifat tamak dan rakus mengejar kekayaan(1m) hingga menyebabkan berlakunya kerosakan alam. (1m) Oleh yang demikian sebagai manusia yang dikurniakan akal dan dilantik mentadbir alam ini, kita hendaklah menguruskan alam dengan baik tanpa memikirkan kepentingan peribadi. (1m)</p>	[4 isi X 1m] (4 Markah) KBAT

NO SOALAN			SKEMA	MARKAH
2	(a)	(i)	<p>Dua prinsip Rabbaniyyah;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Islam agama yang diwahyukan oleh Allah dan bukan agama ciptaan manusia. (2m) • Islam satu pegangan yang jitu dan bersih daripada kekurangan, kejahilan dan dorongan hawa nafsu. (2m) • Islam dan seluruh makhluk yang berada di alam ini merupakan hak kepunyaan Allah. (2m) • Allah S.W.T sebagai pemberi peraturan hidup. (2m) 	[2 isi X 2m] (4 Markah)
		(ii)	<p>Dua ciri agama langit;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai kitab suci. (1m) • Ajaran meliputi segala aspek kehidupan. (1m) • Disampaikan oleh utusan Allah SWT. (1m) • Konsep ketuhanan yang jelas. (1m) 	[2 isi X 1m] (2 Markah)
	(b)	(i)	<p>Cara saya;</p> <p>Membantu melaporkan masalah rakan kepada guru kelas(1m) agar diambil tindakan yang sewajarnya. (1m) Ini akan meringankan beban rakan yang bermasalah dan meningkatkan prestasi beliau dalam pelajaran. (1m) Kesimpulannya setiap orang wajiblah membantu rakannya mengikut kemampuan agar setiap masalah dapat diselesaikan dengan baik. (1m)</p>	[4 isi X 1m] (4 Markah) KBAT
		(ii)	<p>Dua konsep Syumuliyah dalam bidang ekonomi ialah;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mewajibkan manusia supaya mengeluarkan zakat dan infak ke jalan Allah. (2m) • Islam mengariskan panduan bermuamalat dengan cara yang betul seperti jualbeli, ar rahnu, pinjaman. (2m) • Menghilangkan jurang perbezaan taraf hidup. (2m) 	[2 isi X 2m] (4 Markah)
	(c)	(i)	<p>Maksud Thabat;</p> <p>Islam ajaran yang tetap dan teguh serta tidak berubah. (2m)</p> <p>Dua aspek Islam tidak boleh bertoleransi dengannya;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akidah. (1m) • Ibadat. (1m) • Ketetapan hukum syariat. (1m) 	[2 Markah] [2 Markah]

NO SOALAN		SKEMA	MARKAH
		(ii) Hikmat disebalik penetapan tersebut; <ul style="list-style-type: none"> Menjaga martabat dan maruah(1m) seperti menutup aurat. (1m) Memastikan umat Islam mematuhi perintah Allah SWT(1m) seperti solat fardu. (1m) Mendisiplinkan umat Islam(1m) agar berjaya dunia dan akhirat. (1m) 	[1 isi X 2m] (2 Markah)
3	(a)	(i) Empat ciri pemimpin menurut Islam; <ul style="list-style-type: none"> Adil dalam pentadbiran. (1m) Mempunyai keyakinan diri. (1m) Cekap membuat keputusan. (1m) Mempunyai pengetahuan yang luas. (1m) Dapat mengawal emosi dan rasional. (1m) Memiliki keadaan fizikal yang sihat dan sempurna. (1m) 	[4 isi X 1m] (4 Markah)
		(ii) Dua tanggungjawab rakyat terhadap pemerintah; <ul style="list-style-type: none"> Menumpukan taat setia kepada negara. (2m) Bekerjasama membentaras kemungkarannya. (2m) Bekerjasama mempertahankan negara. (2m) Menghormati kebebasan beragama. (2m) 	[2 isi X 2m] (4 Markah)
	(b)	Dua etika hakim ketika melaksanakan prosedur kehakiman; <ul style="list-style-type: none"> Hakim tidak boleh menyebelahi mana-mana pihak(1m) samada pendakwa atau tertuduh. (1m) Hakim tidak boleh mensabitkan kesalahan(1m) jika ada keraguan. (1m) Hakim hendaklah jujur dan amanah(1m) dalam tugasnya. (1m) 	[2 isi X 2m] (4 Markah)
	(c)	Dua ciri sistem sosial Islam ialah <ul style="list-style-type: none"> Pergaulan mengikut lunas- lunas Islam(1m) sama ada sesama Muslim atau dengan bukan Islam(1m). Mengamalkan akhlak mulia(1m) walau di mana kita berada(1m) 	[2 isi x 2m] (4 Markah)
	(d)	Cara saya merealisasikan amalan tawakal dalam menghadapi peperiksaan; Belajar dengan bersungguh-sungguh(1m) dengan memberi penumpuan sepenuhnya ketika guru mengajar di dalam kelas. (1m) Setelah berusaha dengan bersungguh-sungguh, saya memohon doa kepada Allah(1m) agar dikurniakan kejayaan di dunia dan di akhirat. (1m)	[4 isi X 1m] (4 Markah) KBAT

NO SOALAN			SKEMA	MARKAH
4	(a)	(i)	<p>Pengertian harta menurut Islam; Anugerah Allah SWT kepada manusia(1m) melalui usaha dan ikhtiar mereka/ seperti rumah, tanah dan sebagainya. (1m)</p>	[2 Markah]
		(ii)	<p>Dua contoh harta boleh alih;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kereta.(1m) • Wang. (1m) • Saham. (1m) 	[2 isi X 1m] (2 Markah)
	(b)		<p>Dua sebab harta adalah amanah Allah SWT kepada manusia;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Agar manusia menguruskan segala sumber harta dengan sebaik-baiknya sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. (2m) • Agar manusia sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencari harta. (2m) • Agar manusia tidak menggunakan harta yang dimiliki secara membazir. (2m) • Agar manusia tidak terlalu sombong dengan harta yang dimilikinya. (2m) 	[2 isi X 2m] (4 Markah)
	(c)		<p>Dua peraturan dalam pemilikan harta;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Harta yang dimiliki hendaklah dibelanjakan dengan cara yang berhemat(1m) dan tidak membazir. (1m) • Menunaikan tuntutan dan kewajipan terhadap harta(1m) seperti mengeluarkan zakat setelah cukup syarat-syaratnya. (1m) • Harta yang dimiliki mestilah dikembangkan dengan cara yang dibenarkan oleh syarak(1m) seperti melabur dalam sektor perladangan, perternakan dan institusi kewangan yang memenuhi tuntutan Islam. (1m) 	[2 isi X 2m] (4 Markah)
	(d)		<p>Orang yang terencat akal/ lemah akal(safih) tidak layak menguruskan harta kerana...</p> <p>Mereka tidak layak menguruskan harta kerana mereka tidak mencapai tahap kematangan berfikir(1m) di mana mereka tidak dapat membezakan kebaikan dengan keburukan. (1m)Ini kerana jika sekiranya harta diserahkan kepada mereka, dibimbangi akan berlakulah penganiayaan ke atas mereka. (1m) Oleh itu mereka memerlukan seseorang yang boleh dipercayai untuk menguruskan harta mereka. (1m)</p>	[4 isi X 1m] (4 Markah) KBAT
	(e)		<p>Empat contoh muamalah yang terdapat dalam Islam;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Al-Ijarah. (1m) • Al-Mudharabah. (1m) • Al-Murabahah • Ar-Rahnu. (1m) • Al-Takaful. (1m) 	[4 isi X 1m] (4 Markah)

NO SOALAN			SKEMA	MARKAH
5	(a)	(i)	<p>Dua peraturan yang ditetapkan Islam untuk memelihara kesucian akidah;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Patuh kepada perintah Allah SWT dengan menjauhi laranganNya. (2m) • Mengambil tindakan tegas ke atas mereka yang menyeleweng daripada ajaran Islam. (2m) • Menyuburkan pelbagai disiplin ilmu supaya kefahaman terhadap Islam meningkat dalam masyarakat. (2m) 	[2 isi X 2m] (4 Markah)
		(ii)	<p>Dua kepentingan matlamat perundangan Islam dalam memelihara agama;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menjaga akidah umat Islam(1m) supaya tidak terpesong. (1m) • Menjaga kesucian agama Islam(1m) daripada dinodai oleh fahaman atau ajaran yang menyesatkan. (1m) 	[2 isi X 2m] (4 Markah)
	(b)	(i)	<p>Pengertian hukum Makruh; Perkara yang digalakkan untuk ditinggalkan. (1m) Jika ditinggalkan mendapat pahala dan jika dilakukan tidak mendatangkan dosa. (1m)</p>	[2 Markah]
		(ii)	<p>Dua contoh hukum Makruh;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membasuh anggota wudhuk melebihi tiga kali. • Makan makanan yang berbau spt makan petai, bawang mentah. • Menghisap rokok. 	[2 isi X 1m] (2 Markah)
	(c)		<p>Cara Azlina menyelesaikan masalah tersebut;</p> <p>Lapor kepada qadi atau pejabat agama untuk menuntut fasakh(1m) supaya dapat melepaskan diri dari ikatan suami isteri dengan suaminya(1m) ini kerana suami yang berada dalam tahanan lama di penjara cukup syarat untuk fasakh, (1m) oleh itu hubungan antara azlina dan suaminya tiada lagi ikatan suami isteri selepas mahkamah telah memutuskan ikatan tersebut batal. (1m)</p>	[4 isi X 1m] (4 Markah) KBAT
	(d)		<p>Dua kesan ibadat yang menyalahi hukum syarak;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Merosakkan ibadat(1m) kerana ibadat tidak berpandukan peraturan yang telah ditetapkan. (1m) • Merosakkan iman(1m) kerana telah mempermainkan ibadat yang telah ditetapkan Allah SWT. (1m) • Tidak mendapat kerediaan Allah SWT(1m) kerana ibadat tersebut tidak mengikut rukun dan syaratnya. (1m) 	[2 isi X 2m] (4 Markah)

NO SOALAN			SKEMA	MARKAH
6.	(a)	(i)	<p>Pengertian ibadat; Pengabdian kepada Allah SWT melalui perbuatan,perkataan dan pengakuan hati yang berlandaskan syariat Allah SWT serta mengakui dan meyakini bahawa Allah SWT sahajalah yang layak menjadi tumpuan segala ketaatan. (2m)</p>	[2 Markah]
		(ii)	<p>Dua perkara yang boleh merosakkan ibadat;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Takabur/ iaitu sikap membesarkan diri(1m) contohnya sombong dan angkuh dengan nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT. (1m) • Ujub/ iaitu kagum dengan amalan sendiri serta memandang rendah amalan kebaikan yang dilakukan oleh orang lain. (1m) 	[2 isi X 2m] (4 Markah)
		iii.	<p>Ciri kesempurnaan ibadat berdasarkan hadis;</p> <p>Setiap ibadat yang dilakukan adalah berdasarkan niat. (1m) Niat tersebut hendaklah niat yang ikhlas kerana Allah SWT. (1m) Contohnya ketika melakukan ibadat khusus atau ibadat umum. (1m) Oleh itu ibadat yang dilakukan dengan tidak ikhlas akan sia-sia. (1m)</p>	[4 isi X 1m] (4 Markah) KBAT
	(b)	i.	<p>Empat ciri keluarga bahagia ialah;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Setiap pasangan mestilah bertanggungjawab antara satu sama lain. (1m) • Mewujudkan hubungan silaturahim di kalangan setiap pasangan. (1m) • Sentiasa tegur – menegur dan nasihat – menasihati antara satu sama lain. (1m) • Menjauhi perkara mungkar. (1m) • Sentiasa menjaga amanah dalam kehidupan rumah tangga. (1m) 	[4 isi X 1m] (4 Markah)
		ii.	<p>Dua kepentingan perkahwinan kepada masyarakat ialah;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melahirkan sebuah masyarakat yang bertanggungjawab (1m) dalam menjamin kesejahteraan dan keharmonian hidup bermasyarakat. (1m) • Melahirkan ikatan persaudaraan yang kukuh(1m) dikalangan masyarakat. (1m) • Menjadikan sesebuah masyarakat itu maju(1m) dalam pelbagai bidang samaada ekonomi,politik dan sosial. (1m) 	[2 isi X 2m] (4 Markah)
	(c)		<p>Hukuman yang sepatutnya dijatuhkan oleh hakim ialah hukuman bunuh balas. (2m)</p>	[2 Markah]

NO SOALAN			SKEMA	MARKAH
7	(a)	(i)	Dua nilai luhur; <ul style="list-style-type: none"> • Menghormati orang yang lebih tua(1m) seperti ayah, ibu, saudara atau jiran. (1m) • Menjalinkan hubungan ukhuwwah yang baik(1m) dengan guru, rakan dan sebagainya. (1m) • Memupuk sifat kasih sayang dalam diri(1m) seperti menghormati yang tua dan menyanyangi yang muda. (1m) 	[2 isi X 2m] (4 Markah)
		(ii)	Maksud sistem sosial Islam; Pergaulan dan hubungan sesama manusia dalam menjalani kehidupan masing-masing. (2m)	[2 Markah]
	(b)	(i)	Pengertian penyelesaian masalah menurut Islam; Menyelesaikan masalah manusia berasaskan syariat Islam/ yang merangkumi semua aspek kehidupan seperti ekonomi, politik, sosial dan perundangan. (2m)	[2 Markah]
		(ii)	Dua matlamat penyelesaian masalah menurut Islam; <ul style="list-style-type: none"> • Menambah keyakinan dan keimanan kepada Allah SWT. (2m) • Memberi ketenangan dalam kehidupan. (2m) • Memberi keadilan dalam masyarakat. (2m) 	[2 isi X 2m] (4 Markah)
	(c)		Cara mengatasi masalah buli di sekolah; Mengadakan kempen anti buli(1m) seperti menampal poster di kawasan sekolah(1m) tentang bahaya perbuatan buli(1m) agar pelajar merasa takut dan insaf untuk melakukannya. Oleh itu masalah buli dapat dihindarkan di sekolah. (1m)	[4 isi X 1m] (4 Markah) KBAT
	(d)		Dua cara menyelesaikan masalah anak luar nikah; <ul style="list-style-type: none"> • Mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dalam kehidupan. (2m) • Menjauhi aktiviti sosial seperti pergaulan bebas. (2m) • Mendalami ilmu fardu ain dan fardu kifayah. (2m) 	[2 isi X 2m] (4 Markah)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT